MAKLUMBALAS
MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
BILANGAN 2 TAHUN 2020

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
1. *Blue Print* Laluan Kerjaya		
a)	Status penyediaan *time line* berkenaan rancangan penggubalan Laluan Kerjaya Jabatan untuk lebih jelas dirujuk **(Perkara 4.1 (iii))** **Tindakan : PLKK**	Satu time line penggubalan Blue Print Laluan Kerjaya Jabatan telah disusun dengan bantuan kepakaran daripada Institut Aminuddin Baki (IAB), Nilai 6 Julai 2020 – Perbincangan Pelan Pembangunan Modal Insan Jabatan bersama kepakaran dari IAB 26 – 28 Ogos 2020 – Program Penyelarasan Job Discription (JD) dan Learning Needs Analysis (LNA) di KOMARDI, Cameron Highland Cawangan Kewangan, BKP bercadang untuk melaksanakan Hari Bersama Cawangan Kewangan bagi memberi pendedahan kepada pegawai Jabatan Perikanan berkenaan urusan tuntutan dan sebagainya pada tahun hadapan. Program ini tidak dapat dilaksanakan pada tahun ini disebabkan penularan pendemik Covid-19 dan masih berada dalam tempoh PKP dimana sesi perjumpaan secara bersemuka tidak dibenarkan.
2. Kertas Kerja Naik Taraf Pembantu Perikanan Gred G19 / G26 / G28 ke Gred G29 secara Tukar Lantik		
a)	Status sesi *engagement* bersama pihak MTSU dengan penglibatan MOA dan JPA bagi menyesuaikan permintaan pihak MTSU dengan keperluan sebenar Jabatan **(Perkara 4.2 (iv))** **Tindakan : PLKK**	Pihak BKP telah merujuk perkara ini kepada JPA dan dimaklumkan bahawa setakat ini tiada tindakan kajian penambaikan skim perkhidmatan bagi skim C yang dilaksanakan oleh JPA pada masa ini. BKP DOF juga telah meneliti beberapa opsyen yang boleh dilaksanakan oleh Jabatan berdasarkan pekeliling sedia ada bagi menambahbaik skim perkhidmatan minoriti Jabatan iaitu: a) Pindaan perjawatan Skim Minoriti ke Skim Dominan Jabatan yang akan melibatkan tukar lantik berdasarkan PP6/2016 sekiranya syarat lantikan yang sama. Pegawai akan kekal di bawah Ketua

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
		Perkhidmatan yang sama dengan penjumudan skim minoriti yang terlibat dan implikasi kekananan adalah tertakluk kepada penerimaan Ketua Perkhidmatan; b) pindaan perjawatan ke skim dominan dalam Jabatan (Contoh Pembantu Perikanan), sekaligus tukar lantik ke Pembantu Perikanan dan penjumudan jawatan Operator Wireless dan pegawai kekal di bawah Ketua Perkhidmatan KP DOF berdasarkan PP6/2016. Implikasi kekananan adalah tertakluk kepada penerimaan Ketua Perkhidmatan. Walau bagaimanapun, BKP ingin menekankan bahawa kedua-dua opsyen ini adalah berpandukan kepada Pekeliling sedia ada sahaja dan sebarang permohonan oleh Jabatan adalah tertakluk kepada kajian lanjut dan kelulusan pihak JPA. Pihak PLKK juga disarankan mengkaji keperluan Skim Perkhidmatan tersebut dalam Jabatan sekiranya cadangan penjumudan ingin dilaksanakan. Sesi libat urus bagi semua Skim Perkhidmatan minoriti DOF akan dilaksanakan selepas selesai Kertas Penstrukturan Organisasi dan Pengisian Perjawatan 2020.
3. Hari Bersama Cawangan Kewangan		
a)	Melaksanakan Hari Bersama Cawangan Kewangan bagi memberi pendedahan kepada pegawai Jabatan berkenaan urusan tuntutan dan sebagainya **(Perkara 5.2 (ii))** **Tindakan : BKP (Kewangan)**	Cawangan Kewangan, BKP bercadang untuk melaksanakan Hari Bersama Cawangan Kewangan bagi memberi pendedahan kepada pegawai Jabatan Perikanan berkenaan urusan tuntutan dan sebagainya pada tahun hadapan. Program ini tidak dapat dilaksanakan pada tahun ini disebabkan penularan pendemik Covid-19 dan masih berada dalam tempoh PKP dimana sesi perjumpaan secara bersemuka tidak dibenarkan.

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
4. Kursus Peningkatan Kemahiran Bagi Penolong Tadbir (Perkeranian/Operasi)		
a)	Memohon Jabatan untuk menawarkan Kursus / Latihan berkenaan perkhidmatan, HRMIS, Tatatertib dan sebagainya untuk meningkatkan kemahiran Penolong Tadbir **(Perkara 5.3 (i))** **Tindakan : BKP & PLKK**	PLKK bersedia membantu menyelaras kursus-kursus tersebut **Maklumbalas BKP:** Kursus tatatertib telah dilaksanakan pada tahun 2019 di Institut Aminuddin Baki dengan keutamaan penyertaan kepada Pentadbir-pentadbir Sumber Manusia. Kursus HRMIS akan diutamakan kepada pegawai lantikan baharu manakala kursus berkaitan perkhidmatan telah dirancang pada tahun 2020, namun tidak dapat dilaksanakan kerana PKPB. Kursus-kursus ini akan dibawa ke tahun hadapan atau dilaksanakan secara atas talian pada tahun ini jika berkesempatan. Kursus Perkhidmatan ini adalah lebih baik dilaksanakan secara bersemuka supaya kefahaman lebih berkesan dapat diperoleh.
5. Kebenaran Bekerja Dari Rumah (BDR) Diteruskan		
a)	Menyemak *Standing Order* berkenaan pelaksaan BDR dari pihak JPA **(Perkara 5.4 (iii))** **Tindakan : BKP (Cawangan Personel)**	Jabatan ini menggunapakai surat arahan penamatan tempoh BDR semasa PKPP daripada KSU MAFI bertarikh 21 Julai 2020 yang menyatakan kemudahan BDR adalah ditamatkan berkuatkuasa 22 Julai 2020 berikutan pembukaan sepenuhnya sesi persekolahan pada 22 Julai 2020. Bagi status penularan Covid-19 yang terkini, Pelaksanaan PKPB di Negeri – Negeri dalam Malaysia ialah dengan merujuk kepada Surat Edaran JPA bertarikh 2 Mei 2020 kecuali bagi WP KL, Putrajaya, Labuan,Selangor dan Sabah menggunakan Surat Edaran 21 Oktober 2020. Penguatkuasaan 30% kehadiran di Pejabat hanyalah khusus kepada lokasi yang dinyatakan dalam surat Edaran JPA bertarikh 21 Oktober

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
		2020. Walau bagaimanapun kelonggaran kehadiran 30% diberikan kepada Agensi yang melaksanakan perkhidmatan penting negara.
6. Penambahbaikan Laluan Kerjaya Bagi Skim Perkhidmatan Sains (C)		
a)	BKP akan mengadakan sesi libat urus bersama wakil-wakil skim C bagi mendapatkan konsensus berkenaan kelebihan, kekurangan serta implikasi setiap opsyen yang dinyatakan: • Wujudkan lebih banyak Gred Kenaikan Pangkat; • Opsyen pertukaran Ketua Perkhidmatan; • Tukar Lantik ke Skim Dominan di Jabatan **(Perkara 5.5 (iv))** **Tindakan :BKP**	Pihak BKP telah merujuk perkara ini kepada JPA dan dimaklumkan bahawa setakat ini tiada tindakan kajian penambaikan skim perkhidmatan bagi skim C yang dilaksanakan oleh JPA pada masa ini. BKP DOF juga telah meneliti beberapa opsyen yang boleh dilaksanakan oleh Jabatan berdasarkan pekeliling sedia ada bagi menambahbaik skim perkhidmatan minoriti Jabatan iaitu: a) Pindaan perjawatan Skim Minoriti ke Skim Dominan Jabatan yang akan melibatkan tukar lantik berdasarkan PP6/2016 sekiranya syarat lantikan yang sama. Pegawai akan kekal di bawah Ketua Perkhidmatan yang sama dengan penjumudan skim minoriti yang terlibat dan implikasi kekananan adalah tertakluk kepada penerimaan Ketua Perkhidmatan; b) pindaan perjawatan ke skim dominan dalam Jabatan (Contoh Pembantu Perikanan), sekaligus tukar lantik ke Pembantu Perikanan dan penjumudan jawatan Operator Wireless dan pegawai kekal di bawah Ketua Perkhidmatan KP DOF berdasarkan PP6/2016. Implikasi kekananan adalah tertakluk kepada penerimaan Ketua Perkhidmatan. Walau bagaimanapun, BKP ingin menekankan bahawa kedua-dua opsyen ini adalah berpandukan kepada Pekeliling sedia ada sahaja dan sebarang permohonan oleh Jabatan adalah tertakluk kepada kajian lanjut dan kelulusan pihak JPA. Pihak PLKK juga disarankan mengkaji keperluan Skim Perkhidmatan tersebut dalam Jabatan sekiranya cadangan penjumudan ingin dilaksanakan.

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
7. Penambahbaikan Laluan Kerjaya Bagi Skim Operator Wayarles (N)		
a)	BKP akan membuat sesi libat urus bersama wakil-wakil skim Operator Wireless bagi mendapatkan konsensus berkenaan kelebihan, kekurangan serta implikasi opsyen yang ada bagi skin Oprator Wayarless. **(Perkara 5.7 (ii))** **Tindakan :BKP**	Merujuk kepada maklumbalas Perkara 5.5.(iv) seperti di atas, bagi Skim Operator Wireless pula, opsyen bagi Skim ini berdasarkan pekeliling sedia ada adalah seperti berikut: a) Sama ada pindaan perjawatan dan tukar lantik ke skim dominan guna sama (Contoh Pembantu Tadbir) berdasarkan PP 6/2016 dan sekaligus tukar ketua perkhidmatan daripada KP DOF kepada KPPA yang mana implikasi kekananan adalah tertakluk kepada Ketua Perkhidmatan; atau a) pindaan perjawatan ke skim dominan dalam Jabatan (Contoh Pembantu Perikanan), sekaligus tukar lantik ke Pembantu Perikanan dan penjumudan jawatan Operator Wireless dan pegawai kekal di bawah Ketua Perkhidmatan KP DOF berdasarkan PP6/2016. Implikasi kekananan adalah tertakluk kepada penerimaan Ketua Perkhidmatan. b) Walau bagaimanapun, BKP ingin menekankan bahawa kedua-dua opsyen ini adalah berpandukan kepada Pekeliling sedia ada sahaja dan sebarang permohonan oleh Jabatan adalah tertakluk kepada kajian lanjut dan kelulusan pihak JPA. Pihak PLKK juga disarankan mengkaji keperluan Skim Perkhidmatan tersebut dalam Jabatan sekiranya cadangan penjumudan ingin dilaksanakan.